



[General](#)

KENYATAAN RASMI PINDAAN KALENDAR AKADEMIK SEMESTER II DAN SEMESTER PENDEK, SESI AKADEMIK 2020/2021

10 February 2021

1. Merujuk kepada arahan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkaitan pelaksanaan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seluruh Malaysia, sesi pengkuliahuan untuk Semester II, Sesi Akademik 2020/2021 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah **kekal bermula pada 1 Mac 2021 (Isnin)** seperti yang telah ditetapkan sebelum ini.
2. Pelaksanaan aktiviti PdP adalah secara dalam talian kecuali bagi pelajar yang dikehendaki pulang ke kampus bermula 6 Mac 2021, pelaksanaan PdP adalah secara hibrid (secara dalam

- talian atau bersemuka) dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
3. Selaras dengan pelaksanaan ini, Senat Universiti telah bersetuju meminda Kalendar Akademik Semester II dan Semester Pendek, Sesi Akademik 2020/2021 seperti di lampiran.
 4. Kalendar Akademik Sesi 2020/2021 (Pindaan) secara keseluruhan boleh dirujuk di laman sesawang utama UMP melalui pautan berikut:
<http://www.ump.edu.my/index.php/en/academic-calendar>.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

10 Februari 2021

LAMPIRAN

SEMESTER II (PINDAAN)

AKTIVITI/PROGRAM	JANGKA MASA	TARIKH
Pendaftaran Pelajar Sarjana Muda (Kemasukan Semester II) Secara dalam Talian <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelajar Baharu (Kemasukan Khas melalui UMP Advanced/Selain Lepasan Diploma UMP) ▪ Pelajar Baharu (Lepasan Diploma UMP) 	5 hari 2 hari	*15 Februari (Isnin) hingga 19 Februari 2021 (Jumaat) *24 Februari (Rabu) hingga 25 Februari 2021 (Khamis)
Hari Suai Kenal secara dalam talian	2 hari	26 Februari (Jumaat) hingga 27 Februari 2021 (Sabtu)
Kuliah	7 minggu	1 Mac (Isnin) hingga 16 April 2021 (Jumaat)
Cuti Pertengahan Semester II	1 minggu	17 April (Sabtu) hingga 25 April 2021 (Ahad)
Kuliah	7 minggu	26 April (Isnin) hingga 11 Jun 2021 (Jumaat)
Minggu Ulang Kaji	1 minggu	12 Jun (Sabtu) hingga 20 Jun 2021 (Ahad)
Peperiksaan	2 minggu	21 Jun 2021 hingga 4 Julai 2021 (Ahad)

Nota

Pendaftaran Pelajar Baharu Semester II, Sesi Akademik 2020/2021 akan dilaksanakan secara dalam talian. Pelajar perlu merujuk kepada surat tawaran yang telah dikeluarkan kepada pelajar. Manakala kemasukan secara fizikal bagi pelajar baharu adalah bergantung kepada pengumuman yang dikeluarkan oleh pihak universiti dari semasa ke semasa.

SEMESTER PENDEK (PINDAAN)

AKTIVITI/ PROGRAM	JANGKA MASA	TARIKH
Pendaftaran Kursus	2 hari	8 Julai (Khamis) hingga 9 Julai 2021 (Jumaat)
Kuliah	8 minggu	12 Julai (Isnin) hingga 3 September 2021 (Jumaat)
Peperiksaan	1 minggu	6 September (Isnin) hingga 12 September 2021 (Ahad)